

PENJAGAAN AL-QURAN MENURUT PERSPEKTIF HADIS NABAWI

Muhammad Asyraf Mohd Zamri ⁱ, Mohd Zahir Abdul Rahman ⁱⁱ,

Muhamad Hafizuddin Mohamed Najid ⁱⁱⁱ

ⁱ Calon Sarjana Pengajian Quran Sunnah, FPQS, USIM. Emel: asyrafzamri.usim@gmail.com

ⁱⁱ (Penulis Koresponden) Pensyarah Quran Sunnah, FPQS, USIM. zahir@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Quran Sunnah, FPQS, USIM. hafizuddin.najid@usim.edu.my

ABSTRAK

Isu penjagaan al-Quran dibincangkan secara meluas zaman berzaman berdasarkan keperluan semasa dan fokus tertentu. Kajian ini bertujuan menganalisis sejumlah hadis berkaitan penjagaan al-Quran dengan penekanan terhadap pemeliharaan al-Quran sama ada dari aspek pembacaan, penulisan, pengumpulan serta pengurusan mushaf al-Quran yang sudah tidak lagi dapat digunakan. Hal ini selari dengan keimanan sebagai seorang Muslim bahawa al-Quran adalah kitab suci yang memerlukan penjagaan teliti dengan penuh penghormatan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi analisis dokumen dengan merujuk kepada sumber primer dan sekunder kitab himpunan hadis. Lantaran itu, sejumlah 14 buah hadis berkaitan penjagaan al-Quran telah dianalisis merangkumi proses penjagaan yang berperingkat seperti hafalan ayat, penulisan ke atas lembaran, pengumpulan kedalam sebuah buku, penyalinan semula dan pelupusan al-Quran yang tidak lagi dapat digunakan. Hasil kajian mendapati bahawa segala prinsip penjagaan al-Quran di peringkat awal banyak dipraktikkan ketika hayat Nabi ﷺ namun apabila melibatkan pengumpulan, penyalinan dan pelupusan al-Quran, ia lebih tertumpu kepada ijtihad para sahabat yang berstatus hadis *Mauquf*. Ia bertepatan dengan fakta sejarah bahawa keberadaan al-Quran dalam bentuk mushaf lengkap hanya terlaksana selepas kewafatan baginda Nabi ﷺ. Kesimpulannya, kajian ini menekankan bahawa penjagaan al-Quran adalah tanggungjawab yang merangkumi seluruh aspek bermula daripada hafalan, penulisan, pengumpulan hingga proses melupuskannya. Ia tidak lain bertujuan untuk memastikan kehormatan al-Quran terpelihara sepanjang zaman.

Kata kunci: Hadis, Mushaf, Penjagaan al-Quran, Pelupusan.

PENGENALAN

Al-Quran sebagai kitab wahyu terakhir yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad ﷺ merupakan perlembagaan dan panduan hidup kepada seluruh ummat manusia. Isi kandungannya merupakan sumber hukum utama dalam Islam. Di samping itu, al-Quran turut mengandungi khazanah unik dalam pelbagai disiplin ilmu yang menjangkau kapasiti pengetahuan pada zaman penurunannya. Sebagai bukti, sehingga kini kajian terhadap al-Quran masih berterusan walaupun usianya sudah mencapai ribuan tahun. Hasil kajian dalam bidang sains pada zaman moden kini seperti ilmu biologi, embriologi, astronomi dan kejadian alam semula jadi dilihat serasi dengan isi kandungan al-Quran dan tidak saling bercanggah. Hal ini membuktikan kitab suci al-Quran merupakan mukjizat daripada Allah dan bukan semata-mata buku dakwaan kosong (Alnas, 2014).

Selain itu, antara mukjizat lain al-Quran yang jarang dilihat dan diperhatikan oleh umat manusia adalah bagaimana kitab ini terjaga daripada sebarang penyelewengan selama ribuan tahun. Hal ini merujuk kepada konsep *al-Hifz* iaitu penjagaan atau pemeliharaan yang disebutkan oleh Allah SWT terhadap al-Quran seperti berikut:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya: “Sesungguhnya kamilah yang menurunkan az-Zikr (Al-Quran) dan kamilah yang akan memeliharanya.”

(Surah al-Hijr, 15:9)

Secara umum, ayat tersebut menyatakan bahawa kitab al-Quran sudah dijamin keterpeliharaannya. Jaminan tersebut merujuk kepada isi kandungan al-Quran yang tiada sebarang kebatilan yang ditokok tambah serta tiada pengurangan sebarang hukum-hakam, batasan mahupun kewajipan yang menjatuhkan kemuliaan dan kesempurnaannya (Al-Tabari, 2001). Selain itu, al-Quran juga turut dijaga kemuliaan fizikalnya dengan dilupus melalui cara dan kaedah terhormat seperti yang dipraktikkan oleh para *sahabah*. Oleh itu, konsep penjagaan al-Quran meliputi proses bagaimana isi kandungannya terpelihara dan cara melupuskan fizikalnya melalui kaedah terbaik selepas tidak dapat digunakan lagi.

Dari sudut implimentasi, al-Quran tidak terpelihara dengan sendirinya begitu sahaja melainkan kitab ini telah melalui proses penjagaan yang pelbagai dan teliti sejak zaman berzaman sehinggalah kini. Penjagaan al-Quran bermula dengan proses seperti hafalan dari mulut ke mulut dan dituliskan ayat-ayat pada helaian yang terpisah. Kemudian proses berlanjutan dengan pengumpulan ayat al-Quran kedalam sebuah mushaf lengkap dan disalin semula pada zaman berikutnya. Akhir sekali, al-Quran turut dicontohkan kaedah pelupusannya atau turut dikenali sebagai proses pemuliaan al-Quran (Al-Qathan, 2016). Dengan itu, jelas dilihat bahawa kemuliaan al-Quran bukan sahaja terjaga dari aspek isi kandungannya, namun turut meliputi fizikal sama ada dalam keadaan elok mahupun setelah rosak dan tidak lagi digunakan.

Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa penjagaan al-Quran merupakan perkara yang wajib diketahui oleh setiap umat Islam dan perlu dilaksanakan sepanjang hayat menerusi panduan serta contoh yang telah digariskan hadis Nabawi. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis hadis-hadis yang terkait dengan tema penjagaan al-Quran merangkumi keseluruhan proses penjagaan yang pernah dilakukan pada zaman Nabi ﷺ dan para sahabat radiallahu anhum.

KAJIAN LITERATUR

Kajian terhadap al-Quran merupakan kajian bersifat abstrak yang boleh di kaji menerusi pelbagai sudut. Konsep *al-Hifz* atau “Penjagaan” merupakan topik yang menjadi fokus pengkaji terhadap al-Quran. Ia disebabkan maksudnya yang lebih bersifat menyeluruh dan merangkumi aspek yang pelbagai. Namun begitu, para ilmuan Islam silam yang masyhur terlebih dahulu telah mengarang karya-karya agung terhadap al-Quran seperti *al-Itqān fi Ulūm al-Qur’ān* oleh Al-Suyuti, *al-Burhan fi Ulum al-Quran* oleh az-Zarkasyi, *Fadhail al-Quran* oleh Ibnu Kathir, *at-Tibyan fi Adab Hamalah al-Quran* oleh an-Nawawi serta banyak lagi yang menjadi rujukan para pengkaji dalam perbahasan berkaitan al-Quran. Tidak kurang juga karya

ilmuan terkini seperti *Mabahith fi Ulum Al-Quran* oleh Manna' al-Qathan dan *Ulum al-Quran al-Karim* oleh Nuruddin al-Itr yang meringkaskan lagi perbahasan terhadap “Ulum al-Quran”.

Di samping itu, pelabagi kajian berbentuk artikel jurnal berkaitan isu penjagaan al-Quran diterbitkan seperti kajian oleh Miftakhul Munir (2021) yang menghuraikan metode pengumpulan al-Quran. Antara dapatan peting yang diperoleh adalah bacaan al-Quran pada zaman Khalifah Uthman dan sekarang merupakan bacaan yang sama namun kaligrafi tulisan serta baris yang ada pada mushaf terkini berevolusi dari masa ke masa bagi memudahkan bacaan berbanding kaligrafi terdahulu. Anisa dan Armawi (2023) turut menghurai isu penulisan dan pembukuan al-Quran secara spesifik di zaman khalifah Uthman. Kajian tersebut menghurai lanjut dapatan sebelumnya iaitu mushaf *Rasm Uthmani* disempurnakan pada kurun ke 3 Hijrah dengan penambahan rumus-rumus dan pemberian tanda. Tidak berhenti disitu, kajian silang berkaitan pengumpulan al-Quran pada zaman dahulu turut diurai secara dinamik bagi membina hubungkait terhadap kaedah pembelajaran pada abad ini. Sahrahman (2024) meneliti strategi pendidikan agama Islam abad 21 dalam proses pengumpulan al-Quran pada masa Nabi Muhammad. Hasil kajian ini menadapati, beberapa konsep pendidikan berkesan boleh diterapkan melalui sejarah pengumpulan al-Quran seperti berfikiran kritis, berinovasi, membina kolaborasi, beretika dalam kerja kumpulan serta bertanggungjawab. Hal ini, membuktikan bahawa kajian terhadap al-Quran sentiasa menatijahkan penambahbaikan serta evolusi berfikir terhadap para pengkaji.

Dari sudut penjagaan mushaf al-Quran secara fizikal, kajian lepas lebih tertumpu terhadap penjagaan dan pemuliaan al-Quran rosak yang sudah tidak dapat digunakan lagi. Kajian seperti kaedah pelupusan al-Quran diterbitkan oleh Nasrul & Zulfahmi (2022) dan Latifah, Faizul, Hamdi, Nasir, Remy & Ameer (2022). Manakala penekanan terhadap pelaksanaan pelupusan al-Quran secara spesifik melalui kaedah pembakaran turut dilakukan oleh Noraida, Hamdi & Nazri (2018). Dalam artikel lain, Latifah, Faizul, Hamdi, Nasir, Remy & Ameer (2022) turut mengkaji bagaimana pandangan tokoh ilmuan Malaysia terhadap pelupusan al-Quran dalam negara. Komponen penting dan sumbangan besar kajian tersebut adalah melalui sampel temubual terhadap mufti-mufti di beberapa buah negeri seperti Selangor, Kelantan dan Terengganu. Hasilnya, kajian mendapati pelupusan dengan kaedah membakar kemudian membuang bekas abu kedalam laut adalah proses yang sering dipraktikkan di Malaysia bahkan ia telah menjadi garis panduan yang di wartakan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kepada agensi-agensi yang terlibat. Manakala terdapat juga kajian yang cuba mengenengahkan kaedah alternatif dalam pelupusan al-Quran melalui cara penanaman. Hal tersebut berikutan kekangan menguruskan al-Quran rosak akibat banjir yang kembang dan berlumpur melalui cara pembakaran (Asyraf Zamri, 2024). Secara umum, hampir seluruh kajian terhadap pelupusan al-Quran merujuk kepada hadis tindakan para sahabah yang terlebih dahulu melakukan aktiviti penjagaan dan pelupusan al-Quran pada zaman mereka selepas kewafatan Nabi SAW.

METODOLOGI

Kajian dijalankan menerusi pendekatan kualitatif menggunakan reka bentuk analisis dokumen dengan menganalisis hadis-hadis berkaitan penjagaan al-Quran. Sumber utama kajian adalah melalui kitab-kitab primer rujukan hadis seperti *al-Kutub al-Sittah*. Di samping itu, kitab rujukan sekunder turut diguna dalam pencarian hadis-hadis. Hadis yang dianalisis meliputi hadis *Marfu'* dan hadis *Mauquf*. Pencarian dilakukan melalui perisian *al-Maktabah al-Syamilah*. Hadis yang dikumpul merangkumi konsep penjagaan al-Quran sama ada dari proses hafalan syafawi, penulisan, pengumpulan termasuk kaedah pelupusan kitab suci tersebut. Data yang diperoleh akan di analisis secara deskriptif bagi menjelaskan bahawa setiap proses

penjagaan al-Quran mempunyai perbahasan serta panduan daripada sunnah Rasulullah SAW dan ijtihad para sahabat.

DEFINISI PENJAGAAN AL-QURAN

Dari sudut bahasa, “penjagaan” merupakan kata terbit daripada istilah berjaga, berjaga-jaga, menjaga dan terjaga. Istilah ini bermaksud hal atau perbuatan yang menjaga akan sesuatu. Adapun istilah “al-Quran” merupakan satu nama khas merujuk kepada sebuah kitab wahyu yang diturunkan keatas Nabi Muhammad SAW. Manakala sarjana Muslim memberi takrifan lebih terperinci terhadap istilah al-Quran dengan “Kalam Allah yang melemahkan, diturunkan keatas Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril, yang ditulis ke dalam mushaf, periwayatan berlaku secara mutawatir, pembacaannya bernilai ibadah, merupakan mukjizat walaupun hanya satu sahaja daripada surahnya” (Nuruddin, 1996).

Sungguhpun begitu, istilah “penjagaan al-Quran” merupakan perkataan baru yang diganding bersama sehingga membawa maksud yang lebih terperinci. Kata “penjagaan” diambil dari ayat ke 9 surah al-Hijr yang menyebutkan lafaz “*Lahafizun*” yang bermaksud “akan menjaganya”. Daripada ayat tersebut, ilmuan tafsir berkomentar dengan menyebut bahawa al-Quran telah terjaga daripada syaitan sama ada melakukan tokoh tambah kedalamnya, mengurangkan sesuatu daripadanya atau mencampur aduk dan menukarkan isi kandungan kitab suci tersebut (al-Baghawi, 2000).. Dalam masa sama, Hamka menyatakan bahawa maksud daripada ayat tersebut merujuk kepada kekuasaan Allah SWT yang maha menjaga akan sesuatu dan tiada daya upaya yang mampu meroskakkan kalamnya itu (HAMKA, 1982). Oleh hal demikian, jelaslah bahawa al-Quran merupakan satu-satunya kitab samawi yang masih terpelihara keasliannya sehingga kini sebagaimana ia diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW sekitar 1400 tahun dahulu (Ahmad Rifa'i, Marhamah, 2020).

HADIS-HADIS TERHADAP PENJAGAAN AL-QURAN

Penghafalan Al-Quran

Daripada Ibnu Abbas RA, ia berkata,

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ أَجُودَ النَّاسِ وَكَانَ أَجُودَ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ عَلَيْهِمَا السَّلَامُ وَكَانَ جِبْرِيلُ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ. قَالَ: فَلَرسول الله حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ أَجُودَ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ.

Terjemahan: "Rasulullah ﷺ adalah orang yang paling dermawan, dan beliau lebih dermawan lagi pada bulan Ramadan ketika berjumpa dengan Jibril, dan Jibril senantiasa menemui beliau setiap malam pada bulan Ramadan dan mengajarkan Al-Qur'an kepada beliau." Ia (Ibnu Abbas) juga berkata, "Sungguh Rasulullah ﷺ lebih lembut dari angin yang berembus. (Al-Nasaie. No 18)

Daripada Fatimah RA berkata, bahawa Nabi ﷺ telah berbisik kepadaku:

أَنَّ جِبْرِيلَ كَانَ يُعَارِضُنِي بِالْقُرْآنِ كُلِّ سَنَةٍ وَأَنَّهُ عَارِضَنِي الْعَامَ مَرَّتَيْنِ وَلَا أَرَاهُ إِلَّا حَضَرَ أَجْلِي

Terjemahan: Jibril membacakan al-Quran kepadaku setiap tahun sekali dan sesungguhnya Jibril membacakan kepadaku al-Quran pada tahun ini sebanyak dua kali. Aku tidak melihatnya melainkan isyarat bahawa ajalku telah datang.

Daripada Abdullah bin Amru dan Abdullah bin Mas'ud berkata:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: خُذُوا الْقُرْآنَ مِنْ أَرْبَعَةٍ، مِنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ، وَسَالِمٍ، وَمُعَاذٍ، وَأُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ.

Terjemahan: Aku mendengar Nabi ﷺ bersabda: "Ambil lah al-Quran daripada empat orang, daripada Abdullah bin Mas'ud, Salim, Muadz, dan Ubai bin Ka'ab". (Al-Bukhari. No 4999)

Daripada Anas bin Malik berkata:

مَاتَ النَّبِيُّ ﷺ وَلَمْ يَجْمَعْ الْقُرْآنَ غَيْرُ أَرْبَعَةٍ: أَبُو الدَّرْدَاءِ، وَمُعَاذُ بْنُ جَبَلٍ، وَزَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ، وَأَبُو زَيْدٍ، قَالَ: وَنَحْنُ وَرَثَتُهُ.

Terjemahan: "Telah wafat Nabi ﷺ dan tidaklah dikumpulkan (menghafal) al-Quran melainkan daripada empat orang iaitu: Abu Darda' Muadz bin Jabal, Zaid bin Tsabit dan Abu Zaid. Dia berkata: dan kami mewariskannya". (Al-Bukhari. No 5004)

Keterangan:

Berdasarkan tiga hadis yang dikumpul, proses pertama dalam penjagaan al-Quran dapat dilihat secara jelas adalah melalui kaedah hafalan. Masyarakat arab terkenal sebagai bangsa yang buta huruf atau disebut dengan *ummi* namun mempunyai kelebihan dari sudut kekuatan ingatan dan hafalan yang baik. Dalam tradisi arab jahiliah, kaedah hafalan mulut ke mulut yang disebut *syafawi* merupakan kaedah yang sering digunapakai bagi penyebaran maklumat dan pembelajaran (H. Wildana Wargadinata, 2018). Pengkaji lain turut menamakan kaedah "hitorografi" yang bermaksud penyampaian secara lisan melalui ingatan, dipraktikkan masyarakat arab bagi menyampaikan peristiwa bersejarah suku kaum serta silsilah keturunan keluarga mereka (Nasron HK, 2023). Hal ini dibuktikan dengan ramai penyair arab jahiliah yang mampu menghafal ratusan bait syair yang dipertandingkan dalam acara syair yang berlangsung pada musim haji di "Pasar Ukaz" sebelum kedatangan Islam. Adapun penulisan terhadap syair amat jarang dilakukan bahkan tidak dianggap istimewa mengatasi mereka yang bersyair melalui hafalan (Yunus, 2015).

Adapun Nabi ﷺ merupakan seorang *ummi* yang mendapat wahyu melalui kaedah hafalan sepanjang 23 tahun. Lalu baginda melakukan semakan hafalan bersama Jibril pada setiap bulan Ramadhan terhadap wahyu yang telah diturunkan pada tahun semasa setelah berhijrah ke Madinah (Zulkifli Al-Bakri, 2017). Para ilmuan juga turut menyatakan bahawa pada ramadhan terakhir sebelum kewafatan baginda, Jibril telah mendengar bacaan tadarus Nabi ﷺ sebanyak dua kali yang turut disertai seorang sahabat iaitu Zaid bin Tsabit. Peristiwa semakan al-Quran kali terakhir itu disebut sebagai 'Urdhatul al-Akhirah, (Ahmad Zulfiqar; Wan Nasyrudin; Sabri Mohamad & Mohd Abdul Nasir, 2015). Disamping itu, para sahabat turut mengambil al-Quran melalui proses yang sama iaitu hafalan secara terus dari Nabi ﷺ secara langsung mahupun tidak langsung. Sahabat mendengar ayat yang disampaikan oleh Nabi ﷺ sejeurus wahyu diturunkan kemudian mengingatnya kedalam dada mereka dan menyampaikan kepada sahabat yang tiada

dalam majlis. Proses ini berlaku secara berterusan sehingga al-Quran tamat diturunkan selepas wafatnya nabi. (Al-Qathan, 2016).

Terdapat dua hadis di atas yang memberikan isyarat nama secara langsung kepada beberapa orang sahabat yang mempunyai kelebihan dalam penjagaan al-Quran secara hafalan. Nama seperti Abdullah bin Mas'ud, Muadz bin Jabal, Zaid bin Tsabit, Ubai bin Ka'ab, Salim bin Ma'qil, Abu Darda' dan Abu Zaid bin as-Sakn merupakan tokoh-tokoh penghafal al-Quran pada zaman tersebut yang diisyaratkan oleh Nabi ﷺ secara terus. Bahkan sebahagian dari sahabat tersebut mempunyai mushaf simpanan sendiri yang kemudiannya dinisbahkan dengan nama mereka seperti Mushaf Ibnu Abbas, Mushaf Ibnu Mas'ud dan Mushaf Ubai bin Ka'ab. Kesemua sahabat ini kemudian mewariskan al-Quran yang telah dihafal mereka kepada ummat sebagaimana disebutkan pada hadis yang keempat (Abdul Jalil, 2018). Kesimpulannya, kaedah pertama dalam penjagaan al-Quran melalui proses hafalan merupakan proses terpenting yang menjadikan kitab ini mempunyai tahap keaslian yang tidak dapat di gugat oleh musuh terutama dari kalangan orientalis. Tambahan pula proses hafalan tersebut berlaku sejak zaman penurunan al-Quran itu sendiri dan semua hafalan tersebut kemudian diriwayatkan secara jelas dari zaman ke zaman dengan jumlah periwayatan yang banyak (Fairuz Adi, 2018).

Penulisan Al-Quran

Daripada Abu Said al-Khudri, bahawa Nabi ﷺ bersabda:

لَا تَكْتُبُوا عَنِّي وَمَنْ كَتَبَ عَنِّي غَيْرَ الْقُرْآنِ فَلْيَمْسُحْهُ. وَحَدِّثُوا عَنِّي، وَلَا حَرَجَ. وَمَنْ كَذَّبَ عَلَيَّ - قَالَ هَمَّامٌ أَحْسِبُهُ قَالَ: مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

Terjemahan: Janganlah kalian menulis daripadaku (kata-kata) dan sesiapa yang menulis daripadaku selain al-Quran maka hendaklah dipadam. Dan riwayatkan daripadaku tidak mengapa, dan barangsiapa yang berdusta keatasku (berkata Hammam: aku anggap) secara sengaja maka dia telah menempah tempatnya di neraka. (Muslim. No 3004)

Daripada Zaid bin Tsabit berkata:

كُنَّا عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ نُؤَلِّفُ الْقُرْآنَ مِنَ الرِّقَاعِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: طُوبَى لِلشَّامِ، فَقُلْنَا: لِأَيِّ ذَلِكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: لِأَنَّ مَلَائِكَةَ الرَّحْمَنِ بَاسِطَةً أَجْنِحَتَهَا عَلَيْهَا.

Terjemahan: "Kami menulis Al-Qur'an dari pelepah kurma di sisi Rasulullah ﷺ, lalu Rasulullah ﷺ bersabda, "Beruntunglah bagi penduduk Syam." kami bertanya, "Kenapa seperti itu wahai Rasulullah?" beliau bersabda, "Sesungguhnya Malaikat Ar-Rahman (zat yang maha pengasih) telah membentangkan sayapnya di atas negeri Syam". (Ahmad. No 21607) (Al-Tirmidzi. No 3954)

Daripada Zaid bin Tsabit berkata:

قُضِيَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَا يَكُنِ الْقُرْآنُ جُمِعَ فِي شَيْءٍ.

Terjemahan: "Telah wafat Nabi ﷺ sedangkan al-Quran masih belum terkumpul kedalam satu buku pun". (Al-Dimashqi, No 23)

Keterangan:

Hafalan al-Quran dalam dada para huffaz dari kalangan sahabat merupakan kaedah utama penjagaan al-Quran pada zaman penurunan wahyu. Namun begitu, al-Quran juga tidak ketinggalan ditulis oleh para sahabat yang berperanan sebagai penulis wahyu pada lembaran-lembaran kulit, kepingan kayu dan pelepah tamar (Miftakhul Munir, 2021). Umum mengetahui bahawa Nabi ﷺ dan kebanyakan penduduk jazirah arab merupakan masyarakat ummi. Akan tetapi, sudah tentu terdapat beberapa sahabat dalam kalangan masyarakat arab yang mampu menulis dan membaca lantaran berperanan sebagai penulis wahyu. Mereka seperti Muawiyah bin Abi Sufyan, Zaid bin Tsabit, Aban bin Said, Ubai bin Kaab, Tsabit bin Qais serta Khulafa al-Rasyidin telah diarahkan oleh nabi untuk menulis al-Quran ketika wahyu tersebut diturunkan (Mohamad Redha, Fairuz Adi, Khadijah Mohamad, 2019).

Pada tiga buah hadis yang dikumpulkan pengkaji, kesemua hadis memberi isyarat bahawa al-Quran telahpun mula terjaga pada zaman Nabi melalui kaedah penulisan. Adapun teks hadis ketiga memberi gambaran meskipun al-Quran sudah mula ditulis ketika hayat Nabi, namun sifatnya masih lagi terpisah antara surah ke surah dan ayat ke ayat. Keberadaan al-Quran masih belum terkumpul sebagai sebuah buku yang lengkap yang bermula dari al-Fatihah dan diakhiri dengan An-Nas (Al-Suyuti, 1974). Hal ini selari dengan fakta sejarah bahawa pengumpulan al-Quran hanya mula dilakukan setelah kewafatan Nabi ﷺ melalui ijtihad para sahabat. Menurut al-Khattabi proses membukukan al-Quran pada zaman Nabi tidak dapat dilakukan kerana terjadinya pemansuhan terhadap bacaan dan hukum-hakam yang hanya akan terhenti selepas kewafatan Nabi ﷺ. Adapun susunan kedudukan setiap ayat dan surah dalam al-Quran, ia hanya dilakukan oleh Nabi ﷺ dan diikuti oleh para sahabat (Al-Jinni, 1998).

Pengumpulan & penyalinan Al-Quran

Daripada Ibnu Sabaq, bahawa telah menceritakan Zaid bin Tsabit:

قَالَ زَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ: وَعُمَرُ عِنْدَهُ جَالِسٌ لَا يَتَكَلَّمُ، فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ: إِنَّكَ رَجُلٌ شَابٌّ عَاقِلٌ وَلَا نَتَهْمُكَ، كُنْتَ تَكْتُبُ الْوَحْيَ لِرَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَتَتَّبِعُ الْقُرْآنَ فَاجْمَعُهُ. فَوَاللَّهِ لَوْ كَلَّفَنِي نَقْلَ جَبَلٍ مِنَ الْجِبَالِ مَا كَانَ أَثْقَلَ عَلَيَّ مِمَّا أَمَرَنِي بِهِ مِنْ جَمْعِ الْقُرْآنِ. قُلْتُ: كَيْفَ تَفْعَلَانِ شَيْئًا لَمْ يَفْعَلْهُ النَّبِيُّ ﷺ؟ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ: هُوَ وَاللَّهِ خَيْرٌ، فَلَمْ أَزَلْ أُرَاجِعُهُ حَتَّى شَرَحَ اللَّهُ صَدْرِي لِلَّذِي شَرَحَ اللَّهُ لَهُ صَدْرَ أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ، فَقُمْتُ: فَتَتَّبَعْتُ الْقُرْآنَ أَجْمَعُهُ مِنَ الرِّقَاعِ وَالْأَكْتَابِ وَالْعُسْبِ، وَصُدُورِ الرِّجَالِ.

Terjemahan: "Zaid berkata, Abu Bakar berkata, -pada waktu itu disampingnya ada Umar sedang duduk, dan dia tidak berkata apa-apa." Sesungguhnya kamu adalah pemuda yang cerdas, kami tidak meragukanmu, dan kamu juga menulis wahyu untuk Rasulullah ﷺ, karena itu kumpulkanlah Al-Qur'an (dengan seksama)." Zaid berkata, "Demi Allah, seandainya mereka menyuruhku untuk memindahkan gunung dari gunung-gunung yang ada, maka hal itu tidak lebih berat bagiku daripada (pengumpulan atau pendokumentasian Al-Qur'an). kenapa kalian mengerjakan sesuatu yang tidak pernah dikerjakan Rasulullah ﷺ?" Abu Bakar menjawab, "Demi Allah hal itu adalah baik." Aku pun terus mengulangnya, sehingga Allah melapangkan

dadaku sebagaimana melapangkan dada keduanya (Abu Bakar dan Umar). Lalu aku kumpulkan Al-Qur'an (yang ditulis) pada kulit, pelepah kurma, dan kepingan batu, juga dada (hafalan) para sahabat". (Al-Bukhari. No 4679)

Daripada Urwah bin Zubair berkata:

لَمَّا اسْتَحَرَّ الْقَتْلُ بِالْقُرْآنِ يَوْمَئِذٍ فَرَّقَ أَبُو بَكْرٍ عَلَى الْقُرْآنِ أَنْ يَضِيعَ فَقَالَ لِعُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ وَلِزَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ: افْعُدُوا عَلَى بَابِ الْمَسْجِدِ فَمَنْ جَاءَكُمْ بِشَاهِدَيْنِ عَلَى شَيْءٍ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَكُتِبَ لَهُ

Terjemahan: "Apabila ramai para huffaz al-Quran terbunuh dalam peperangan ketika itu, Abu Bakar merasa bimbang al-Quran akan hilang. Lalu beliau berkata kepada Umar bin al-Khattab dan Zaid bin Tsabit: "Duduklah di pintu masjid dan sesiapa yang datang kepada kamu berdua dengan membawa dua saksi yang membuktikan sesuatu dari kitab Allah, maka tulislah ia". (Ibnu Abi Daud. Hlm 51)

Daripada Yahya bin Abd Rahman bin Hatib bin Abi Balta'ah berkata:

أَرَادَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ أَنْ يَجْمَعَ الْقُرْآنَ، فَقَامَ فِي النَّاسِ فَقَالَ: "مَنْ كَانَ تَلَقَّى مِنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ شَيْئًا مِنَ الْقُرْآنِ فَلْيَأْتِنَا بِهِ، وَكَانُوا كَتَبُوا ذَلِكَ فِي الصُّحُفِ وَالْأَلْوَحِ وَالْعُسْبِ، وَكَانَ لَا يَقْبَلُ مِنْ أَحَدٍ شَيْئًا حَتَّى يَشْهَدَ شَهِيدَانِ.

Terjemahan: " Umar bin al-Khattab ingin mengumpulkan al-Quran, lalu beliau berdiri di hadapan orang ramai dan berkata: "sesiapa yang pernah menerima sesuatu daripada al-Quran dari Rasulullah ﷺ hendaklah dia membawanya kepada kami". Lalu mereka yang pernah tuliskannya di dalam suhuf (lembaran-lembaran), alwah (kepingan-kepingan), dan 'usub (tulang atau pelepah tamar) membawanya dan beliau tidak menerima sesuatu dari sesiapaupun kecuali membawa bersama dua orang saksi yang boleh membuktikannya. (Ibnu Abi Daud. Hlm 62)

Diceritakan oleh Anas bin Malik:

فَقَالَ حُذَيْفَةُ لِعُثْمَانَ: يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ، أَدْرِكْ هَذِهِ الْأُمَّةَ قَبْلَ أَنْ يَخْتَلِفُوا فِي الْكِتَابِ، اخْتِلَافَ الْيَهُودِ وَالنَّصَارَى، فَأَرْسَلَ عُثْمَانُ إِلَى حَفْصَةَ: أَنْ أُرْسِلِي إِلَيْنَا بِالصُّحُفِ نَنْسُخُهَا فِي الْمَصَاحِفِ ثُمَّ نَرُدُّهَا إِلَيْكَ، فَأَرْسَلَتْ بِهَا حَفْصَةُ إِلَى عُثْمَانَ، فَأَمَرَ زَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ، وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ الزُّبَيْرِ، وَسَعِيدُ بْنُ الْعَاصِ، وَعَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ الْحَارِثِ بْنِ هِشَامٍ، فَنَسَخُوهَا فِي الْمَصَاحِفِ، وَقَالَ عُثْمَانُ لِلرَّهْطِ الْقُرَشِيِّينَ الثَّلَاثَةِ: إِذَا اخْتَلَفْتُمْ أَنْتُمْ وَزَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ فِي شَيْءٍ مِنَ الْقُرْآنِ فَكُتِبُوهُ بِلِسَانِ قُرَيْشٍ، فَإِنَّمَا نَزَلَ بِلِسَانِهِمْ.

Terjemahan: "maka Hudzaifah pun berkata kepada Utsman, "Rangkulah umat ini sebelum mereka berselisih tentang Al-Qur'an sebagaimana perselisihan yang telah terjadi pada kaum Yahudi dan Nasrani". Akhirnya, Uthman mengirim surat kepada Hafshah, "Tolong, kirimkanlah lembaran Al-Qur'an kepada kami, agar kami dapat segera menyalinnya ke dalam

lembaran yang lain, lalu kami akan segera mengembalikannya pada Anda". Maka Hafshah pun mengirimkannya kepada Uthman. Lalu Utsman memerintahkan kepada Zaid bin Tsabit, Abdullah bin Zubair, Sa'id bin Al Ash dan Abdurrahman bin Al Harits bin Hisyam, sehingga mereka pun menyalinnya kedalam lembaran suhuf yang lain. Uthman berkata kepada kumpulan Quraisy, "Jika kalian berselisih dengan Zaid bin Tsabit terkait dengan Al-Qur'an, maka tulislah dengan bahasa Quraisy, sebab Al-Qur'an turun dengan bahasa mereka". (Al-Bukhari. No 4987)

Keterangan:

Saidina Abu Bakar merupakan khalifah Islam pertama sejurus kewafatan Nabi ﷺ. Perkembangan tamadun Islam pada zaman beliau amat signifikan walaupun hanya memerintah dalam waktu singkat sekitar 2 tahun 2 bulan sahaja (Rahmatullah, 2014). Antara jasa terbesarnya adalah membukukan al-Quran kedalam sebuah mushaf. Hadis pertama bahagian ini memperjelas peristiwa yang berlaku setelah ramai huffaz dalam kalangan sahabat yang syahid dalam pertempuran *al-Yamamah*. Abu Bakar kemudian dinasihati Umar al-Khattab untuk membukukan kitab itu bagi mengelakkan kehilangan al-Quran setelah kewafatan ramai penghafal al-Quran dalam peperangan. Justeru itu, Zaid bin Tsabit dinamakan oleh khalifah untuk mengetuai proses pengumpulan al-Quran. Inisiatif ini merupakan jasa besar khalifah dalam sejarah Islam yang menjadi asas dan penguat dalam proses penjagaan al-Quran yang telah dijanjikan oleh Allah SWT (Akbar, 2008).

Tambahan pula, proses pengumpulan al-Quran yang dilakukan khalifah Abu Bakar bukan semata-mata mengambil dan mengutip ayat al-Quran secara rawak tanpa usul periksa. Proses yang ketat dan penuh integriti dijalankan oleh Zaid bin Tsabit ketika mengumpul al-Quran dari para sahabat (Wan Hakimie, 2018). Hadis kedua dan ketiga pada bahagian ini menyatakan bagaimana kaedah dan proses saringan yang dijalankan oleh Zaid dan Umar ketika mengumpul al-Quran. Zaid hanya akan menerima al-Quran dari para sahabat yang datang sekiranya mempunyai dua saksi bahawa ayat tersebut turun kepada Nabi dan diengari oleh mereka. Di samping itu, terdapat juga sahabat yang membawa tulisan al-Quran yang pernah ditulis mereka ketika hayat nabi, ia turut disaring menggunakan syarat sama iaitu kesaksian sekurang-kurangnya dua orang terhadap dakwaan mereka (Al-Zarkashi, 2008).

Kemudian, setelah segala proses saringan dan pengumpulan selesai dilakukan, Al-Quran yang lengkap diserahkan kepada Khalifah yang disebut sebagai "Mushaf". Selepas kewafatan Abu Bakar, mushaf tersebut diserahkan kepada Umar al-Khattab yang menjawat sebagai khalifah berikutnya. Akhir sekali, setelah tragedi pembunuhan Umar, mushaf tersebut diwarisi oleh anaknya Ummul Mukminin Hafshah binti Umar. Oleh itu, penjagaan al-Quran melalui hafalan dan penulisan pada zaman kenabian masih berterusan melalui proses pengumpulan ayat-ayat kedalam satu mushaf. Ia membuktikan tiada sela kelompongan terhadap penjagaan al-Quran dari zaman ke zaman (Akbar, 2008).

Selain itu, hadis keempat turut menyatakan proses lanjutan terhadap penjagaan al-Quran secara khusus pada zaman Khalifah Uthman. Sedia maklum bahawa "Rasm Uthmani" sebagai mushaf yang digunapakai secara meluas oleh masyarakat Muslim pada harini merupakan jasa peninggalan Khalifah Uthman. Beliau bertindak menjalankan kegiatan penyalinan semula al-Quran "*Tadwin Al-Quran*" hasil peninggalan Abu Bakar bagi menyatukan bacaan Muslimin ketika itu yang semakin berselisih. Pembukaan banyak wilayah baru pada zaman Umar dan Uthman menyebabkan ramainya bangsa bukan arab yang telah memeluk Islam terutama dari wilayah peninggalan jajahan Parsi yang berlokasi di sekitar Asia tengah. Huzaifah bin al-Yaman mendapati bahawa tentera Islam saling berselisih dalam bacaan al-Quran ketika sedang melakukan ekspedisi peperangan membuka kota Azerbaijan. Setelah peristiwa tersebut

diketahui oleh Uthman, beliau terus memulakan aktiviti penyalinan al-Quran yang diketuai oleh Zaid bin Tsabit sebagai ketua dan beberapa orang sahabat yang lain. Tujuan penyalinan adalah untuk menyatukan bacaan al-Quran ummat Islam melalui satu gaya bacaan sahaja menggunakan bahasa Quraisy. Ilmuan Islam berbeza pandangan berkenaan jumlah salinan yang terhasil dari aktiviti ini. Sebahagian mengatakan lima buah salinan telah dihasilkan, manakala ada yang berpendapat enam dan tujuh naskah telah terhasil. Kesemua salinan ini kemudian dihantar ke wilayah besar umat Islam beserta para guru yang mutqin, manakala mushaf salinan utama di simpan oleh Khalifah sendiri (Al-Qathan, 2016).

Pelupusan Al-Quran

Diceritakan oleh Anas bin Malik:

حَتَّى إِذَا نَسَخُوا الصُّحُفَ فِي الْمَصَاحِفِ رَدَّ عُثْمَانُ الصُّحُفَ إِلَى حَفْصَةَ، وَأَرْسَلَ إِلَى كُلِّ أَقْصَى مِصْرَ وَمَا نَسَخُوا، وَأَمَرَ بِمَا سِوَاهُ مِنَ الْقُرْآنِ فِي كُلِّ صَحِيفَةٍ أَوْ مِصْحَفٍ أَنْ يُحْرَقَ.

Terjemahan: "Kemudian mereka melaksanakan perintah itu hingga penyalinan selesai dan Uthman pun mengembalikannya ke Hafshah. Setelah itu, Uthman mengirimkan sejumlah Mushaf yang telah disalin ke berbagai penjuru negeri kaum muslimin, dan memerintahkan untuk membakar Al-Qur'an yang terdapat pada selain Mushaf tersebut". (Al-Bukhari. No 4987)

Daripada Anas bin Malik meriwayatkan bekenaan Uthman:

فَلَمَّا فُرِغَ مِنَ الْمِصْحَفِ كَتَبَ إِلَى أَهْلِ الْأَمْصَارِ: أَنِّي قَدْ صَنَعْتُ كَذَا مَحْوُتٍ مَا عِنْدِي فَأَتَحُوا مَا عِنْدَكُمْ

Terjemahan: "Kemudian setelah penyalinan al-Quran telah selesai, beliau menuliskan kepada penduduk kota-kota: Sesungguhnya aku telah melakukan itu dan ini (penyalinan semula al-Quran), lalu aku telah memadam catitan al-Quran lama yang ada padaku, maka padamlah juga apa yang ada pada kamu. (Ibnu Abi Daud. Hlm 96)

Diriwayatkan oleh Abu Muhayyah, daripada sebhagian keluarga Talhah bin Musarraf berkata:

دَفَنَ عُثْمَانُ الْمَصَاحِفَ بَيْنَ الْقَبْرِ وَالْمِنْبَرِ.

Terjemahan: "Uthman telah menanam mushaf al-Quran diantara kubur dan minbar". (Ibnu Abi Daud. Hlm 132)

Keterangan:

Akhir sekali, penjagaan al-Quran menurut perspektif hadith Nabawi boleh disoroti melalui proses pelupusan al-Quran. Tindakan pelupusan al-Quran buat kali pertama hanya dilakukan pada zaman Khalifah Uthman. Tujuan tindakan ini adalah untuk memastikan bahawa masyarakat Islam tidak lagi merujuk kepada catitan al-Quran yang ada pada simpanan mereka, tetapi hanya merujuk kepada cetakan yang telah di salin lengkap oleh Zaid bin Tsabit menerusi bahasa Quraish (Nasrul Azim, 2022). Berdasarkan tiga hadis pada bahagian ini, kaedah pelupusan yang dilakukan Utman adalah melalui tig acara. Al-Quran tersebut sama ada dibakar, dipadam menggunakan air atau direndam (kaedah ketika itu) dan ditanam. Ijtihad

Uthman ini kemudian dijadikan dalil pengharusan terhadap melupuskan al-Quran. Para ilmuwan Islam seperti Ibnu Battal, Khatib as-Syarbini, al-Suyuti dan Ibnu Utsaimin mengharuskan tindakan melupuskan al-Quran melalui kaedah pembakaran. Adapun an-Nawawi menghukum makruh sekiranya al-Quran dilupuskan melalui cara pembakaran dan mengahuruskan jika ia ditanam (Asyraf Zamri, 2024).

Perbezaan dalam kalangan ilmuwan silam ini kemudian membuka ruang kepada pelaksanaan yang lebih bersifat menyeluruh dapat diambil oleh pihak berkuasa semasa dalam negara bagi menjelaskan tatacara dan kaedah pelupusan al-Quran secara holistik. Selari dengan garis panduan yang telah dikeluarkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bahawa al-Quran yang sudah tidak lagi dapat digunakan boleh dilupuskan melalui kedua-dua kaedah pembakaran mahupun tanaman oleh agensi yang terbabit (JAKIM, 2015). Kesimpulannya, bukan sahaja terpelihara aka nisi kandungannya melalui proses yang pelbagai, namun turut terpelihara maruahannya sebagai kitab suci dalam Islam melalui cara-cara dan kaedah pelupusan yang baik.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian dari hasil penyelidikan di bawah geran penyelidikan FRGS, Kementerian Pendidikan Tinggi. Kod Penyelidikan: USIM/FRGS/FPQS/KPT/51823 (USIM), FRGS/1/2023/SSI13/USIM/02/3 (KPT).

KESIMPULAN

Penjagaan al-Quran berdasarkan perspektif hadis Nabawi merangkumi aspek keterjagaan yang pelbagai dan terperinci. Penjagaan ini dimulai dengan proses hafazan al-Quran, penulisan al-Quran, pengumpulan al-Quran, penyalinan semula al-Quran dan pelupusan al-Quran. Kesemua proses tersebut memberi gambaran menyeluruh bagaimana kandungan dan zat al-Quran itu sendiri dipelihara sejak kurun pertama ia diturunkan kemudian disambung oleh para ilmuwan Islam pada kurun berikutnya. Hal ini secara tidak langsung menyangkal sekiranya terdapat dakwaan liar bahawa kitab suci al-Quran masih diragukan keasliannya. Janji Allah Swt terhadap kalam agung ini sudah pasti akan terlaksana sebagaimana ia telah terbukti menjangkaui usia lebih 1400 tahun dan masih mempunyai ketulenan yang sama seperti asal. Sekiranya ada sahaja kesalahan pada cetakan al-Quran, sudah tentu ia boleh dijejaki dan diperbetulkan. Tanggungjawab ini digalas oleh semua pihak dari kalangan pemimpin Islam, sarjana keilmuan mahupun rakyat marhaen yang perlu menjadikan konsep penjagaan al-Quran sebahagian dari polisi dan nadi kehidupan. Penjagaan yang menyeluruh meliputi isi kandungan yang tulen dan penghormatan terhadap fizikalnya merupakan bentuk keimanan kita kepada firman Allah yang terkandung didalamnya.

RUJUKAN

- Abdul Jalil. (2018). Sejarah Pembelajaran al-Quran di Masa Nabi Muhammad SAW. *INSANIA: Jurnal Pemikiran Alternatif Kependidikan*, 1-17.
- Ahmad Rifa'i, Marhamah. (2020). The Method of Messenger of Allah in Al Qur'an Learning. *Journal of Educational and Social Research*, 131-140.
- Akbar, A. (2008). Membalik Sejarah Pengumpulan dan Penulisan Al-Quran. *Jurnal Ushuluddin*, 1-25.
- Al-Asqalani, Ibnu Hajar. (1959). *Fath Al-Bari bi Syarhi Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar Al-Maarifah

- Al-Baghawi, H. B. (2000). *Maalim al-Tanzil fi Tafsir al-Quran*. Beirut: Dar Al-Ihya' Al-Turath Al-Arabi.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (1990). *Al-Jami' Al-Musnad As-Sahih Al-Mukhtasor min Umur Rasulillah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi, Sahih al-Bukhari*. Mesir: As-Sulthoniyyah.
- Al-Jinni, A. F. (1998). *Al-Muhtasab fi Tabyiin Wujuh Syawaz Al-Qiraat Wa Al-Idhoh Anha*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Alamiyah.
- Alnas, U. (2014). Mu'jizat al-Quran. *Jurnal Ulunnuha*, Volume 3, No 1, 11-19.
- Al-Qathan, M. K. (2016). *Mabahith Fi Ulum Al-Quran*. Riyadh: Maktabah Ad-Da'wah.
- Al-Suyuti, J. (1974). *Al-Itqan Fi Ulum Al-Quran*. Kaherah: Al-Hai'ah Al-Misriyyah Al-Ammah Li Al-Kuttab.
- Al-Tabari, M. b. (2001). *Jami' al-Bayan an Ta'wil Ayi Al-Quran*. Mesir: Dar Hijr Li at-Tibaah wa an-Nasyar wa at-Tauzi'.
- Al-Tirmidzi, Abu Isa. (1975). *Sunan Al-Tirmidzi*. Mesir: Matbaah Mustafa Bab Halabi.
- An-Nasaie, Ahmad Bin Syuaib. (1992). *Fadhail AL-Quran*. Beirut: Dar Al-Baidha'.
- Anisa Maulidya, A. F. (2023). Sejarah Penulisan dan Pembukuan Al-Qur'an. *TARBIATUNA, Journal of Islamic Education*, 129-136.
- Asyraf Zamri, Z. R. (2024). PELUPUSAN AL-QURAN DI MALAYSIA: SUATU TINJAUAN AWAL PELUPUSAN SECARA PENANAMAN. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, Vol. 20 No. 1, ms 202-219.
- Fairuz Adi, S. S. (2018). Penjagaan Riwayat-Riwayat Al-Quran Melalui Bacaan "Jam Al-Qiraat": Satu Pengenalan. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan* (pp. 73-81). Selangor: Pasak 3.
- H. Wildana Wargadinata, L. F. (2018). *Sastra Arab Masa Jahiliah dan Islam*. Malang, Indonesia: UIN Maliki Press, Hlm 46-48.
- HAMKA, H. A. (1982). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka National PTE LTD Singapura.
- Ibnu Abi Daud, Abu Bakar. (2002). *Kitab Al-Masahif*. Kaherah: Al-Farouq Al-Hadithiah.
- JAKIM. (2015). *Garis Panduan Pembuatan, Pengendalian, Penjualan dan Pelupusan Bahan-Bahan Penerbitan dan Perhiasan Yang Mengandungi Ayat Al-Quran*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Latifah Abdul Majid, Faizulamri Saad, Hamdi Ishak, Nasir Abdul Majid, Ameer Areff Azhar. (2022). *ISLAMIYYAT* 44 (2), 113-121.
- Latifah Abdul Majid, Faizulamri Saad, Hamdi Ishak, Nasir Abdul Majid, Ameer Areff Azhar. (2022). Ethical Disposal of Mashaf Al-Quran Damaged by Flood. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Volume 12, No 4, 1518-1529.
- Mohamad Redha, Fairuz Adi, Khadijah Mohamad;. (2019). Sejarah al-Quran, Tahap-Tahap Perkembangan Pembaharuan Tanda-Tanda Titik dan Baris Di Dalam Mushaf. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan* (pp. 160-163). Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Munir, M. (2021). Metode Pengumpulan Al-Qur'an. *KARIMAN, Jurnal Pendidikan Keislaman*, Volume 9, No 1, ms 143-159.
- Muslim bin Hajjaj. (1955). *Al-Musnad Al-Sahih Al-Mukhtasor min Al-Sunan bi An-Naqli an Al-Adl an Al-Adl an Rsulillah SAW, Sahih Muslim*. Kaherah: Matbaah Isa Bab Halabi.

- Nasron HK, A. Y. (2023). Arab Pra-Islam, Sistem Politik Kemasyarakatan, Sistem Kebudayaan dan Kebudayaan. *Jurnal Inspirasi Pendidikan (ALFIHRIS)*, 90-95.
- Nasrul Azim Roslan, Z. M. (2022). Kaedah-Kaedah Pelupusan Mushaf al-Quran: Satu Analisis . *Al-Takamul Al-Ma'rifii*, Vol 5 Issue 1, 74-84.
- Noraida Mat Nasir, H. i. (2018). Pengaplikasian Kaedah Pembakaran Sebagai Kaedah Yang Terbaik Dalam Menjaga Kemuliaan dan Kesucian Al-Quran. *The Fifth International Conference of Research of Islamic Education and Arabic Language* (pp. 855-861). Selangor, Malaysia: Association of Malaysian Muslim Intellectuals.
- Nuruddin, I. (1996). *Ulum al-Quran al-Karim*. Dimasyq: Matba'ah as-Shobah.
- Rahmatullah, M. (2014). Kepimpinan Khalifah Abu Bakar al-Shiddiq. *Jurnal Khatulistiwa - Journal of Islamic Studies*, 197-204.
- Sahrahman. (2024). Strategi Pendidikan Agama Islam Abad 21 Dalam Proses Pengumpulan al-Quran Masa Nabi Muhammad SAW. *Jurnal Tarbiyah; Jurnal Ilmiah Kependidikan dan Keagamaan*, 1-16.
- Wan Hakimie, M. H. (2018). Kepelbagaian Mushaf Al-Quran Masa Kini Di Malaysia. *International Research Management & Innovation Conference*, (pp. 1-20). Putrajaya.
- Yunus, M. (2015). Sastra (Puisi) Sebagai Kebudayaan Bangsa Arab. *HUMANISTIKA: Jurnal Keislaman*, 35-52.
- Zulfiqar Hadi, A. S. A., Abdullah, W. N. W., Mohamad, S., & Latif, M. A. N. A. (2015). *Analisis Isu-isu dalam al-Qira'at al-Shadhdhah/Analysis of Issues in al-Qiraat al-Shadhdhah. Islamiyyat*, 37(1), 16.
- Zulkifli Al-Bakri. (2017, Februari 20). *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Retrieved from Irsyad al-Hadith: Kepentingan Mempelajari al-Quran: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/1014-irsyad-al-hadith-siri-ke-163-kepentingan-mempelajari-al-quran>